



3 Julai 2012
3 July 2012
P.U. (A) 206

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR
(LESEN MEMANDU) (PINDAAN) 2012

*MOTOR VEHICLES (DRIVING LICENCE)
(AMENDMENT) RULES 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (LESEN MEMANDU)
(PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) (Pindaan) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 20 November 2011.

Penggantian kaedah 3

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992 [P.U. (A) 409/1992], yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan kaedah 3 dengan kaedah yang berikut:

"Permohonan bagi lesen belajar memandu, lesen memandu percubaan dan lesen.

3. (1) Seseorang pemohon bagi lesen belajar memandu, lesen memandu percubaan dan lesen hendaklah memohon dalam borang JPJL1 Jadual Pertama.

(2) Seseorang pemohon bagi lesen belajar memandu dan lesen memandu percubaan hendaklah memohon dalam tempoh satu tahun dari tarikh pemohon lulus ujian kekompetenan.

(3) Seseorang pemegang lesen memandu percubaan yang memohon bagi lesen hendaklah memohon dalam tempoh satu tahun selepas tarikh habis tempoh lesen memandu percubaan.

(4) Apabila permohonan dibuat bagi lesen, tarikh habis tempoh lesen hendaklah mengikut tarikh lahir pemegang lesen itu.

(5) Seseorang pemohon bagi lesen Kelas E, E1 atau E2 yang disebut dalam subkaedah 5(4) hendaklah, sebelum sesuatu permohonan dibuat, memegang lesen Kelas D selain lesen belajar memandu bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau memegang lesen memandu percubaan bagi tempoh dua tahun.”.

Kaedah baru 3A dan 3B

3. Kaedah-Kaedah itu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 3 kaedah yang berikut:

“Pembaharuan lesen. 3A. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon bagi pembaharuan lesen sebelum tarikh habis tempoh lesen itu.

(2) Apabila permohonan dibuat bagi pembaharuan lesen, tarikh habis tempoh lesen hendaklah mengikut tarikh lahir pemegang lesen itu.

(3) Jika permohonan bagi pembaharuan lesen telah dibuat, lesen yang ada itu bersama-sama dengan bukti pembayaran dan pembaharuan lesen itu adalah bukti yang mencukupi bahawa orang itu pemegang lesen yang sah.

Penyelarasan bagi tarikh habis tempoh lesen. 3B. (1) Suatu penyelarasan bagi tarikh habis tempoh lesen hendaklah dibuat sekali sahaja mengikut tarikh lahir pemegang lesen itu.

(2) Penyelarasan bagi tarikh habis tempoh lesen yang

disebut dalam subkaedah (1) hendaklah terpakai bagi

- (a) pemegang lesen memandu percubaan yang memohon bagi lesen; dan
- (b) pemegang lesen yang memohon bagi pembaharuan lesen apabila habis tempoh lesen itu.

(3) Jika seseorang pemegang lesen memandu percubaan atau pemegang lesen yang disebut dalam subkaedah (2) yang tarikh lahirnya jatuh pada 29 Februari, tarikh habis tempoh lesennya ialah sama ada

- (a) 28 Februari, jika permohonan yang berikutnya bagi pembaharuan lesen itu dibuat dalam tahun yang bukan merupakan tahun lompat; atau
- (b) 29 Februari, jika permohonan yang berikutnya bagi pembaharuan lesen itu dibuat dalam tahun yang merupakan tahun lompat,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Fee yang kena dibayar bagi maksud penyelarasan tarikh habis tempoh lesen hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 1B dan 1C Jadual Kedua.”.

Pindaan kaedah 4

4. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam subkaedah (1) dengan memasukkan selepas perkataan “butiran 1,” perkataan “1A, 1B, 1C,”.

Pindaan Jadual Kedua

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Jadual Kedua

(a) di bawah kepala "JADUAL KEDUA", dengan memasukkan selepas perkataan "Kaedah-kaedah" perkataan "3B,";

(b) dengan menggantikan butiran 1 dengan butiran yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Perihal Perkhidmatan Yang Fee Boleh Dikenakan</i>	<i>Amaun fee \$ sen</i>
"1.	(i) Sah untuk satu tahun	20.00
	(ii) Sah untuk dua tahun	40.00
	(iii) Sah untuk tiga tahun	60.00
	(iv) Sah untuk empat tahun	80.00
	(v) Sah untuk lima tahun	100.00";

(c) dalam butiran 1A, dengan memasukkan selepas subbutiran (iii) dan butir-butir yang berhubungan dengannya subbutiran yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Perihal Perkhidmatan Yang Fee Boleh Dikenakan</i>	<i>Amaun fee \$ sen</i>
	"(iiia) Sah untuk empat tahun	120.00"; dan

(d) dengan memasukkan selepas butiran 1A butiran yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Perihal Perkhidmatan Yang Fee Boleh Dikenakan</i>	<i>Amaun fee \$ sen</i>
"1B.	(a) Fee bagi penyelarasan tarikh habis tempoh lesen bagi warganegara jika perbezaan antara tarikh habis tempoh lesen dengan tarikh lahir kurang	

daripada lapan belas bulan:

- | | | |
|------|------------------------------------|-------|
| (i) | bagi lesen Kelas A, B dan C | 20.00 |
| (ii) | bagi selain lesen Kelas A, B dan C | 30.00 |

(b) Fee bagi penyelarasan tarikh habis tempoh lesen bagi warganegara jika perbezaan antara tarikh habis tempoh lesen dengan tarikh lahir lebih daripada lapan belas bulan tetapi kurang daripada dua puluh empat bulan:

- | | | |
|------|------------------------------------|-------|
| (i) | bagi lesen Kelas A, B dan C | 30.00 |
| (ii) | bagi selain lesen Kelas A, B dan C | 45.00 |

(c) Fee bagi penyelarasan tarikh habis tempoh lesen bagi warganegara jika perbezaan antara tarikh habis tempoh lesen dengan tarikh lahir lebih daripada dua puluh empat bulan tetapi kurang daripada enam puluh bulan hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Perihal Perkhidmatan Yang Fee Boleh Dikenakan</i>	<i>Amaun fee \$ sen</i>
----------------	--	-----------------------------

$$\left(\begin{array}{l} \text{Fee yang kena} \\ \text{dibayar dalam} \\ \text{subbutiran (a)} \\ \text{atau (b)} \end{array} \right) + \left(\begin{array}{l} \text{Fee yang kena} \\ \text{dibayar dalam} \\ \text{butiran 1 atau} \\ \text{1A} \end{array} \right)$$

1C. Fee bagi penyelarasan tarikh habis tempoh lesen bagi bukan warganegara berdasarkan kepada perbezaan antara tarikh habis tempoh lesen dengan tarikh lahir:

- | | |
|---|--|
| (i) bagi lesen Kelas A, B dan C | 1.70 bagi setiap bulan atau sebahagian daripadanya |
| (ii) bagi selain lesen Kelas A, B dan C | 2.50 bagi setiap bulan atau sebahagian daripadanya". |

Dibuat 26 Jun 2012
[KP/PUU/0.440/W/BD/9; PN(PU2)460/LXVII]

DATO' SERI KONG CHO HA
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

MOTOR VEHICLES (DRIVING LICENCE) (AMENDMENT) RULES 2012

IN exercise of the powers conferred by section 66 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Motor Vehicles (Driving Licence) (Amendment) Rules 2012**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation on 20 November 2011.

Substitution of rule 3

2. The Motor Vehicles (Driving Licence) Rules 1992 [P.U. (A) 409/1992], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended by substituting for rule 3 the following rule:

“Application for a learner’s driving licence, probationary driving licence and licence.

3. (1) An applicant for a learner’s driving licence, probationary driving licence and licence shall apply in form JPJL1 of the First Schedule.

(2) An applicant for a learner’s driving licence and probationary driving licence shall apply within one year from the date the applicant passes the test of competence.

(3) A holder of a probationary driving licence who applies for a licence shall apply within one year after the date of expiry of the probationary driving licence.

(4) Upon the application made for a licence, the date of expiry of the licence shall be in accordance with the date of

birth of the holder of such licence.

(5) An applicant for a Class E, E1 or E2 licence referred to in subrule 5(4) shall, before an application is made, hold a Class D licence other than a learner's driving licence for a period not less than one year or hold a probationary driving licence for a period of two years."

New rules 3A and 3B

3. The principal Rules are amended by inserting after rule 3 the following rules:

"Renewal of a licence.

3A. (1) A holder of a licence may apply for renewal of the licence before the date of expiry of such licence.

(2) Upon the application made for renewal of a licence, the date of expiry of the licence shall be in accordance with the date of birth of the holder of such licence.

(3) Where the application for renewal of a licence has been made, the existing licence together with proof of payment and renewal of such licence shall be sufficient evidence that such person is the holder of a valid licence.

Adjustment for the date of expiry of a licence.

3B. (1) An adjustment for the date of expiry of a licence shall be made once only in accordance with the date of birth of the holder of such licence.

(2) The adjustment for the date of expiry of a licence referred to in subrule (1) shall apply to

(a) a holder of a probationary driving licence who

applies for a licence; and

(b) a holder of a licence who applies for renewal of a licence upon the expiry of such licence.

(3) Where a holder of a probationary driving licence or holder of a licence referred to in subrule (2) whose date of birth falls on 29 February, the date of expiry of his licence is either

(a) 28 February, if the following application for renewal of the licence is made in a year which is not a leap year; or

(b) 29 February, if the following application for renewal of the licence is made in a year which is a leap year,

as the case may be.

(4) The fees to be charged for the purpose of the adjustment of the date of expiry of a licence shall be as set out in items 1B and 1C of the Second Schedule.”.

Amendment of rule 4

4. Rule 4 of the principal Rules is amended in subrule (1) by inserting after the words “items 1,” the words “1A, 1B, 1C,”.

Amendment of the Second Schedule

5. The principal Rules are amended in the Second Schedule

(a) under the heading of “SECOND SCHEDULE”, by inserting after the word “Rules” the words “3B,”;

(b) by substituting for item 1 the following item:

<i>Item</i>	<i>Description of service for which fee is chargeable</i>	<i>Amount of fees \$ sen</i>
"1.	(i) Valid for one year	20.00
	(ii) Valid for two years	40.00
	(iii) Valid for three years	60.00
	(iv) Valid for four years	80.00
	(v) Valid for five years	100.00";

(c) in item 1A, by inserting after subitem (iii) and the particulars relating to it the following subitem:

<i>Item</i>	<i>Description of service for which fee is chargeable</i>	<i>Amount of fees \$ sen</i>
	"(iiia) Valid for four years	120.00"; and

(d) by inserting after item 1A the following items:

<i>Item</i>	<i>Description of service for which fee is chargeable</i>	<i>Amount of fees \$ sen</i>
"1B.	(a) Fee for the adjustment of the date of expiry of a licence for a citizen where the difference between the date of	

<i>Item</i>	<i>Description of service for which fee is chargeable</i>	<i>Amount of fees \$ sen</i>
	expiry of a licence and the date of birth is less than eighteen months:	

(i) for Class A, B and C licence 20.00

(ii) for other than Class A, B and C licence 30.00

(b) Fee for the adjustment of the date of expiry of a licence for a citizen where the difference between the date of expiry of a licence and the date of birth is more than eighteen months but less than twenty-four months:

(i) for Class A, B and C licence 30.00

(ii) for other than Class A, B and C licence 45.00

(c) Fee for the adjustment of the date of expiry of a licence for a citizen where the difference between the date of expiry of a licence and the date of birth is more than twenty-four months but less than sixty months

shall be determined in accordance with the following formula:

<i>Item</i>	<i>Description of service for which fee is chargeable</i>	<i>Amount of fees \$ sen</i>
-------------	---	------------------------------

$$\left(\begin{array}{c} \text{Fee to be} \\ \text{charged in} \\ \text{subitem} \\ \text{(a) or (b)} \end{array} \right) + \left(\begin{array}{c} \text{Fee to be} \\ \text{charged in} \\ \text{item 1 or} \\ \text{1A} \end{array} \right)$$

- 1C. Fee for the adjustment of the date of expiry of a licence for a non-citizen based on the difference between the date of expiry of the licence and the date of birth:
- | | |
|--|----------------------------------|
| (i) for Class A, B and C licence | 1.70 per month or part thereof |
| (ii) for other than Class A, B and C licence | 2.50 per month or part thereof". |

Made 26 June 2012
[KP/PUU/0.440/W/BD/9; PN(PU2)460/LXVII]

DATO' SERI KONG CHO HA
Minister of Transport